



## KENYATAAN MEDIA

### CADANGAN JKPK PEMBINAAN NEGARA BANGSA, PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERKENAAN PLKN 3.0

1. Saya merujuk kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia, YB Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah semasa sidang media di Bangunan Parlimen semalam berkenaan cadangan supaya Kerajaan tidak meneruskan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0.
2. Kementerian Pertahanan mengambil perhatian dan akan memberi pertimbangan semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa tersebut.
3. Dalam hal ini, Kerajaan dan Kementerian Pertahanan melaksanakan PLKN 3.0 berdasarkan kepada kajian yang terperinci dan mendalam.
4. Beberapa kajian akademik telah dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif untuk mengukur impak pelaksanaan program ini. Statistik penglibatan belia, kadar kepuasan peserta, dan pengukuran tahap patriotisme menunjukkan hasil yang positif.
5. PLKN 3.0 akan dilaksanakan dengan konsep dan format yang baharu untuk warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun dan ke atas mulai tahun 2025. Konsep dan format yang baharu ini telah mengambil kira penilaian terhadap pelaksanaan PLKN yang terdahulu.

6. Objektif pelaksanaan semula program ini jelas sebagai wadah pembentukan generasi baharu yang menitikberatkan semangat patriotisme, mengamalkan nilai-nilai murni, sentiasa memupuk semangat perpaduan dan menanamkan semangat kesukarelawanan. Pada masa yang sama, PLKN 3.0 berperanan dalam memupuk minat anak muda menceburi bidang ketenteraan serta menyumbang kepada negara.
7. Atas dasar itu, PLKN 3.0 tidak boleh hanya dilihat sebagai latihan asas ketenteraan semata-mata. Tetapi satu program yang turut merangkumi Modul Kenegaraan (Elemen Jati Diri, Elemen Cinta Negara dan Elemen Perpaduan) bagi memenuhi objektif yang telah digariskan.
8. Perbandingan antara PLKN 3.0 dan program kerahan tenaga negara-negara luar merupakan suatu perbandingan yang tidak setara memandangkan pelaksanaannya lebih memfokuskan kepada perkhidmatan ketenteraan yang aktif untuk satu tempoh yang panjang.
9. Bagi memastikan segala kelemahan semasa pelaksanaan PLKN yang terdahulu, Kementerian Pertahanan kini sedang membuat persediaan rapi untuk melaksanakan Latihan Percubaan dan Projek Perintis bagi PLKN 3.0 di Kem-Kem Askar Wataniah yang akan bermula seawal bulan Januari 2025.
10. Dalam meminimumkan perbelanjaan, Kementerian Pertahanan akan melaksanakan PLKN di 13 buah kem Askar Wataniah, 20 buah universiti awam, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan beberapa buah politeknik di seluruh negara.
11. Kementerian Pertahanan berpandangan bahawa usaha memupuk patriotisme dan nilai jati diri yang baik dalam diri anak muda bukanlah perkara yang bersifat sampingan, sisipan atau *secondary* kepada negara.

12. Secara rumusan, PLKN 3.0 penting dan kritikal dalam pembinaan negara bangsa. Keadaan sekarang merupakan satu situasi yang sangat menyokong dan mewajarkan pelaksanaan semula program ini.

**DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
**MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**  
**6 DISEMBER 2024**